

KEMANA TUMPAHNYA MINYAK

Sinopsis

Kes ini adalah mengenai perniagaan stesen minyak koperasi yang telah 10 tahun beroperasi. Semenjak 5 tahun yang lalu didapati pendapatan stesen minyak mengalami kerugian. Pengurus pula bersilih ganti semenjak beberapa tahun yang lalu. Sehingga ALK melantik seorang Pengurus di kalangan pekerja yang ada iaitu Pn. Gayah seorang kerani Akaun yang telah berkhidmat dengan koperasi semenjak stesen minyak itu di wujudkan. Berbagai usaha telah dilaksanakan oleh Pn. Gayah dengan sokongan Pengerusi koperasi baru iaitu En. Harun. Segala laporan akan dibentang pula dalam mesyuarat Lembaga pada setiap bulan untuk perhatian dan kelulusan serta keputusannya dibincang kembali bersama Pengurus Umum. Melalui prestasi keuntungan koperasi dan stesen minyak koperasi yang memberangsangkan tahun demi tahun, koperasi-koperasi lain boleh menjadikan ini sebagai contoh. Memandangkan aktiviti perniagaan koperasi adalah luas, kajian kes ini hanya memfokus kepada salah satu stesen minyak koperasi yang telah beroperasi selama hampir 20 tahun.

Selanjutnya, keseluruhan kajian kes memaparkan perkara-perkara yang telah ditempuhi oleh koperasi bermula dari awal perancangan dan persediaan untuk menjalankan perniagaan stesen minyak, kos-kos yang terlibat, syarat-syarat yang harus dipenuhi sebagai francais, hubungan antara koperasi dengan francais, perjalanan pengurusan harian stesen minyak, latarbelakang pengurusan dan kakitangan serta prestasi stesen minyak itu sendiri.